

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Perkahwinan merupakan ikatan lahir batin antara seorang lelaki dengan seorang perempuan sebagai suami isteri yang mempunyai matlamat untuk membentuk keluarga yang bahagia, dan kekal berdasarkan Ketuhanan Yang Maha Esa. Daripada makna tersebut dapat difahamkan bahawa hakikat perkahwinan merupakan salah satu perwujudan ketakwaan manusia kepada Tuhan Yang Maha Esa.<sup>1</sup> Perkahwinan juga merupakan penyatuan dua insan yang berbeza, sama ada berbeza dalam watak dan keperibadian, latar belakang tradisi, budaya, pendidikan mahupun agama. Kekalnya sebuah perkahwinan juga mestilah sentiasa didasari rasa cinta dan kasih sayang yang telus di antara suami isteri. Kerana dengan adanya rasa cinta dan kasih sayang yang telus, setiap pasangan akan mampu melakukan proses saling menyesuaikan diri, saling menghormati, saling tolong ansur dan mampu menghadapi setiap cabaran kehidupan lainnya, seperti dalam masalah berbeza agama.

Memandangkan perkara tersebut di atas, perkara perkahwinan berbeza agama menjadi isu kontemporari yang dihadapi masyarakat Muslim, khususnya di Indonesia. Ianya merupakan fenomena yang berlaku di masyarakat sebagai kesan daripada interaksi sosial yang bebas dan terbuka serta tidak mengenal batasan suku, ras, budaya mahupun agama.

Oleh itu, perlu kiranya dilakukan penyelidikan yang mendalam mengenai perkara perkahwinan berbeza agama, sama ada dari perspektif hukum Islam mahupun peruntukan perundangan. Sehingga dapat diberikan penyelesaian yang adil terhadap fakta sosial (baca: perkahwinan berbeza agama) yang berlaku di Indonesia.

---

<sup>1</sup> Hakikat perkahwinan yang dimaksudkan adalah hakikat perkahwinan bangsa Indonesia yang berlandaskan pada perwujudan pengamalan Pancasila. Hal ini sebagaimana dijelaskan pada Penjelasan Umum Undang-undang No. 1 Tahun 1974 dan seksyen 1 undang-undang tersebut.

Penyelesaian yang adil itu dapat dijana jika perbezaan pendapat di antara ulama fikah mengenai perkahwinan berbeza agama ditelaah secara arif dan bijaksana. Setelah itu, perlu juga melihat secara kritis peruntukan perundangan yang memperuntukkan tentang perkahwinan berbeza agama di Indonesia. Sebab, meskipun telah digubal Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan akan tetapi belum wujud peruntukan khas yang memperuntukkan secara jelas mengenai perkahwinan berbeza agama.<sup>2</sup>

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Indonesia merupakan negara kepulauan terbesar di dunia, di mana ia terdiri daripada lima pulau besar iaitu Jawa, Sumatera, Kalimantan, Sulawesi, dan Irian Jaya, dan beberapa pulau kecil, yang secara kesemuanya berjumlah 17,508 pulau. Daripada jumlah kepulauan yang dimilikinya, hanya sekitar 6,000 pulau sahaja yang ditinggali oleh penduduk. Jarak yang paling jauh dari timur ke barat adalah 3,175 mil (5,110 km) atau kira-kira satu hingga satu setengah kali luas benua Eropah, sedangkan jarak dari utara ke selatan adalah sejauh 1.173 mil (1,888 km).<sup>3</sup> Selain itu, Indonesia juga merupakan negara yang mempunyai pelbagai macam suku, etnik, budaya, adat, agama, lebih daripada 30 bahasa dan 350 *lahjah* bahasa. Ianya juga adalah negara yang mempunyai majoriti umat Islam terbesar di dunia. Di samping itu, juga terdapat agama-agama lainnya yang diiktiraf oleh negara, di antaranya adalah Kristian Protestan, Kristian Katolik, Budha, Hindu, dan Konghucu. Meskipun demikian, di Indonesia juga berkembang agama dan aliran kepercayaan selain yang telah diiktiraf oleh negara tersebut. Hal ini dapat dilihat daripada jadual jumlah penduduk Indonesia berdasarkan agamanya di bawah ini:

---

<sup>2</sup> Di Indonesia, perkara mengenai larangan menjalankan perkahwinan berbeza agama hanya diperuntukkan oleh Kompilasi Hukum Islam (KHI), keputusan Majlis Ulama Indonesia (MUI), dan keputusan organisasi kemasyarakatan Islam, seperti Nahdlatul Ulama dan Muhammadiyah. Di antara aturan dan keputusan tersebut, ianya tidak mengikat secara hukum pada setiap individu untuk melaksanakannya.

<sup>3</sup> Firoz Gaffar dan Ifdhal Kasim (1999), *Diagnostic Assessment of Legal Development in Indonesia*. Jakarta: CYBERconsult, hlm. 1.

## Jadual 1: Jumlah Penduduk Indonesia Berdasarkan Agama

Tahun 2005<sup>4</sup>

No	Agama	Jumlah Penduduk	%
1.	Islam	189,014,015	88,58
2.	Kristian Protestan	12.356.404	5,79
3.	Kristian Katolik	6.558.541	3,07
4.	Hindu	3.697.971	1,73
5.	Budha	1.299.565	0,61
6.	Konghucu	205.757	0,10
7.	Lainnya	243.034	0,11
	<b>Jumlah</b>	<b>213.375.287</b>	100

Realiti Indonesia di atas memerlukan sebuah aturan hukum untuk menciptakan sesebuah keteraturan kehidupan. Sehingga satu sama lain dapat hidup dalam kerukunan dan negara dapat berdiri kukuh. Oleh kerana itulah, sejak diisytiharkannya kemerdekaan negara Republik Indonesia pada tanggal 17 Ogos 1945, ianya telah memiliki sesebuah aturan perundangan yang terkandung di dalam Undang-undang Dasar (UUD) 1945.<sup>5</sup> Undang-undang Dasar 1945 ini mengandungi rumusan bentuk, dasar dan tujuan negara Republik Indonesia. Dalam proses pembuatannya, ia telah mengalami pelbagai cabaran daripada berbagai-bagai pihak. Khususnya pada saat membahaskan persoalan berkaitan tujuh ayat di dalam Undang-undang Dasar tersebut, iaitu ayat “dengan kewajiban menjalankan Syariat Islam bagi pemeluk-pemeluknya ...”. Kerana pada saat Badan Penyelidik Usaha-usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia (BPUPKI) menyerahkan

<sup>4</sup> Sumber BPS: SUPAS 2005. Mengikut hasil banci penduduk pada tahun 2005, jumlah penduduk Indonesia sebanyak 218.868.791 orang. Namun yang tercatat dengan karakteristiknya hanya sebanyak 213.375.287 orang.

<sup>5</sup> Naskhah Undang-undang Dasar disusun oleh Badan Penyelidik Usaha-usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia (BPUPKI) pada tanggal 22 Jun 1945. Naskhah ini kemudian dikenali dengan nama “Piagam Jakarta”. Bahtiar Effendy (1998), *Islam dan Negara; Transformasi Pemikiran dan Praktik Politik Islam di Indonesia*. Jakarta: Paramadina, hlm. 84.

naskah Undang-undang tersebut kepada Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia (PPKI) untuk disahkan, tidak hanya dihadiri oleh orang Islam sahaja, melainkan juga daripada orang non-Muslim.<sup>6</sup> Sehingga perdebatan mengenai tujuh ayat tersebut tidak dapat dielakkan.

Di antara alasan orang-orang yang menolak pemasukan tujuh ayat tersebut adalah kerana ‘tujuh ayat’ itu dapat ditafsirkan bahawa semua orang yang beragama Islam wajib taat sepenuhnya pada syariat dan juga boleh menciptakan sikap fanatik yang melampau.<sup>7</sup> Selain itu, keberatan terhadap rancangan Undang-Undang Dasar itu juga disampaikan seorang kakitangan tentera laut Jepun yang datang kepada M. Hatta sehari sebelum pengesahan. Dikatakan bahawa jika tujuh ayat dalam Piagam Jakarta tersebut tidak dihapus, maka pulau-pulau yang dihuni majoriti umat Kristian di Indonesia sebelah Timur akan memisahkan diri dari Negara Kesatuan Republik Indonesia yang baharu sahaja merdeka itu.<sup>8</sup>

Kemudian, pada pagi 18 Ogos 1945 menjelang pertemuan pengesahan Undang-undang, M. Hatta menjemput perwakilan golongan Islam, iaitu Abdul Wahid Hasyim, Ki Bagus Hadikusumo, Kasman Singodimejo, dan Tengku Muhammad Hasan untuk mencari penyelesaian terbaik bagi keselamatan bangsa daripada perpecahan. Kemudian, mereka bersetuju bahawa ‘tujuh ayat’ dalam Piagam Jakarta tentang penerapan syariat Islam itu dihapus. Sebagai gantinya, Abdul Wahid Hasyim yang mewakili Nahdlatul Ulama (NU) mencadangkan dasar “Ketuhanan Yang Maha Esa” dengan pertimbangan bahawa penambahan ayat ‘Esa’ menegaskan sifat tauhid yang menurutnya tidak

---

<sup>6</sup> Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia (PPKI) yang bertugas mempersiapkan kemerdekaan Negara Republik Indonesia menerima hasil kerja BPUPKI, iaitu rancangan Undang-undang Dasar. Dan selanjutnya membahaskannya. Panitia yang diketuai oleh Ir. Soekarno tersebut berjumlah 9 orang, di mana lapan orang beragama Islam dan seorang non-Muslim.

<sup>7</sup> B.J. Boland (1985), *Pergumulan Islam di Indonesia*. Safroedin Bahar (terj.), Jakarta: Grafiti Press, hlm. 31; Andree Feillard (1999), *NU vis a vis Negara: Pencarian Isi, Bentuk, dan Makna*. Yogyakarta: LKiS, hlm. 37. Rohani Abdul Rahim (1991), *Muslim in Indonesia and The Nation of an Islamic State*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, hlm. 25.

<sup>8</sup> Usul penghapusan Piagam Jakarta pada Mukaddimah Undang-undang Dasar disampaikan penduduk Indonesia Timur melalui seorang kakitangan tentera laut Jepun pada malam 17 Ogos 1945. Syarifuddin, “Piagam Jakarta”, *Kompas* 22 April 2002.

terdapat pada agama lain. Dengan demikian, Indonesia tidak menjadi negara Islam, namun menjadi negara monoteis.<sup>9</sup>

Meskipun pada mulanya para wakil Islam ini menolak usul Abdul Wahid Hasyim, tetapi pada akhirnya, menurut Kasman, justeru Wahid Hasyimlah yang meyakinkan Ki Bagus Hadikusumo agar menerima perubahan itu.<sup>10</sup> Menurut Abdul Wahid Hasyim, penerapan syariat Islam boleh dihimpunkan melalui pelaksanaan Seksyen 29 (2) UUD 1945 secara jujur. Apabila aturan yang menjamin kemerdekaan beragama dan beribadah ini dijalankan dengan baik, maka bererti sudah semestinya kewajiban menjalankan syariat Islam akan tumbuh sebagai kesedaran setiap Muslim.<sup>11</sup>

Penghapusan ini selanjutnya juga mengubah susunan pelbagai seksyen (*articles*) yang selari di dalam Undang-Undang Dasar 1945, seperti seksyen tentang agama dan presiden.<sup>12</sup> Penghapusan ini diasaskan pada semangat persatuan dan keutuhan bangsa sebagai prioriti utama dalam politik Indonesia yang baru merdeka. Akhirnya piagam itu disemak semula menjadi rumusan akhir pada siri pertama dari Pancasila, iaitu Ketuhanan Yang Maha Esa. Kemudian dinyatakan dalam seksyen 29 Batang Tubuh Undang-undang Dasar 1945, yang berbunyi: 1) Negara berdasarkan atas Ketuhanan Yang Maha Esa, 2) Negara menjamin kemerdekaan tiap-tiap penduduk untuk memeluk agamanya masing-masing dan untuk beribadat menurut agamanya dan kepercayaannya. Sejak itulah negara Republik Indonesia telah berdiri dengan Undang-undang Dasar 1945 sebagai konstitusi (hukum dasar)-nya.

---

<sup>9</sup> Feillard (1999), *Op.Cit.*, hlm. 39. Lihat juga Boland (1985), *Op.Cit.*, hlm. 38.

<sup>10</sup> Feillard (1999), *Op.Cit.*, hlm. 40.

<sup>11</sup> Feillard (1999), *Op.Cit.*, hlm. 40-41.

<sup>12</sup> Perubahan seksyen tentang agama adalah pada seksyen 29 UUD 1945. Seksyen 29 (1) pada mulanya berbunyi: "Negara berdasar kepada ketuhanan dengan kewajiban menjalankan syariat Islam bagi pemeluk-pemeluknya" berubah menjadi "Negara berdasar kepada Ketuhanan Yang Maha Esa". Sedangkan seksyen 29 (2) tidak mengalami perubahan: "Negara menjamin kebebasan bagi setiap warga negara untuk memeluk agamanya masing-masing dan beribadah sesuai dengan agama dan kepercayaannya itu" Pada seksyen 6 yang menyatakan bahawa: "Presiden adalah orang Indonesia asli (peribumi) dan beragama Islam" diubah menjadi "Presiden adalah orang Indonesia asli." Lihat Rohani Abdul Rahim (1991), *Op Cit.*, hlm. 26-27.

Undang-undang Dasar 1945 mengandung falsafah ideologi negara dan bangsa Indonesia. Falsafah negara itu disebut Pancasila, yang rumusan urutannya terdapat pada perenggan keempat Pembukaan UUD 1945. Rumusan pancasila sebagai falsafah negara dan pandangan hidup bangsa Indonesia serta sebagai sumber dari segala sumber hukum di Indonesia berkait rapat dan tidak dapat dipisahkan daripada UUD 1945. Hubungan rapat antara falsafah atau ideologi negara dan bangsa Indonesia dengan UUD 1945 sebagai hukum dasar mempunyai kesan pada tata nilai dan corak serta isi hukum yang berlaku di Indonesia. Hal ini mengingat bahawa aturan perundangan yang berlaku di Indonesia kesemuanya bersumber dan tidak boleh bercanggah dengan falsafah negara pancasila dan hukum dasar tersebut. Atau dengan perkataan lain, hukum yang berlaku di Indonesia harus tetap padu dengan nilai-nilai ketuhanan yang dianuti oleh warga negara Indonesia dalam agamanya masing-masing.

Salah satu perwujudan daripada apa yang telah dijelaskan di atas antara lain lahirnya Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan.<sup>13</sup> Undang-undang ini dengan tegas mengakui kewujudan agama bagi pemeluknya. Hal ini sebagaimana yang telah dijelaskan pada seksyen 1 dan seksyen 2 (1) undang-undang ini. Seksyen 1 berbunyi: “perkahwinan ialah ikatan lahir batin antara seorang laki-laki dengan seorang wanita sebagai suami isteri dengan tujuan membentuk keluarga yang bahagia dan kekal berdasarkan Ketuhanan Yang Maha Esa”. Seksyen 2 (1) menyatakan bahawa: “perkahwinan adalah sah, apabila dilakukan menurut hukum masing-masing agamanya dan kepercayaannya itu”.

Daripada penjelasan UU Perkahwinan di atas dapat difahamkan bahawa hukum yang digunakan bagi warga Indonesia harus sesuai dengan hukum perkahwinan

---

<sup>13</sup> Undang-undang ini merupakan unifikasi hukum perkahwinan yang sebelumnya, iaitu undang-undang warisan daripada kolonial Belanda. Pada awalnya, undang-undang ini mendapat tantangan daripada berbagai-bagai pihak. Sehingga pada tahun pertama setelah undang-undang ini disahkan pada tanggal 2 Januari 1974 belum berjalan secara efektif. Ia baru dilaksanakan secara efektif mula tanggal 1 Oktober 1975 melalui Peraturan Pemerintah (PP) No. 9 Tahun 1975 yang dikuatkuasakan pada tanggal 1 April 1975. Lihat M. Karyasuda (2006), *Perkawinan Beza Agama: Menakar Nilai-nilai Keadilan Kompilasi Hukum Islam*. Yogyakarta: Total Media Yogyakarta, hlm. 6.

daripada agama orang yang akan berkahwin. Bagi orang Islam harus sesuai dengan hukum perkahwinan Islam, begitu juga dengan penganut agama lainnya. Oleh itu, setiap perkahwinan yang tidak sah menurut agama orang yang melakukan perkahwinan, maka tidak sah pula menurut hukum yang telah ada (UU No. 1 Tahun 1974), misalnya sahaja perkahwinan berbeza agama.

Namun demikian, Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tidak memperuntukkan secara tegas mengenai perkahwinan berbeza agama ini. Hanya sahaja ia menjelaskan mengenai permasalahan perkahwinan berbeza agama secara umum dengan diserahkan sepenuhnya kepada ketentuan agama, sehingga ia dapat ditafsirkan dengan berbagai-bagai pentafsiran. Oleh itu, meskipun Undang-undang No. 1 Tahun 1974 telah pun wujud dalam memperuntukkan perkahwinan<sup>14</sup> dan menghapuskan perundangan sebelumnya, namun jika wujud permasalahan perkahwinan yang belum diperuntukkan maka perundangan sebelumnya masih dapat digunakan, iaitu Kitab Undang-undang Hukum Perdata (KUHPer) (*Burgerlijk Wetboek*), Ordonansi Perkahwinan Indonesia Kristian (HOCl) (*Huwelijk Ordonantie Christen Indonesier Stadblaads 1933 No. 74*) dan Peraturan Perkahwinan Campuran (GHR) (*Regeling op de gemengde Huwelijken Stadblaads 1898 No. 158*). Hal ini sebagaimana dijelaskan dalam seksyen 66 Undang-undang No. 1 Tahun 1974 ini, yang berbunyi:

“Untuk perkahwinan dan segala sesuatu yang berhubungan dengan perkahwinan berdasarkan atas undang-undang ini, maka dengan berlakunya undang-undang ini ketentuan yang diatur dalam Kitab Undang-undang Hukum Perdata (KUHPer) (*Burgerlijk Wetboek*), Ordonansi Perkahwinan Indonesia Kristian (*Huwelijk Ordonantie Christen Indonesier Stadblaads 1933 No. 74*) dan Peraturan Perkahwinan Campuran (*Regeling op de gemengde Huwelijken Stadblaads 1898 No. 158*), dan peraturan-peraturan lain mengatur tentang perkahwinan sejauh telah diatur dalam undang-undang ini, dinyatakan tidak berlaku.”

---

<sup>14</sup> Di Indonesia, peraturan perundangan yang memperuntukkan tentang perkahwinan saat ini adalah Undang-undang No 1 Tahun 1974 dan berbagai-bagai peraturan pelaksanaannya. Di antaranya adalah Peraturan Pemerintah (PP) No. 9 Tahun 1975 tentang Pelaksanaan UU No. 1 Tahun 1974, PP No. 10 Tahun 1983 tentang izin, PP No. 45 Tahun 1990 tentang Perkahwinan dan Perceraian bagi Pegawai Negeri Sipil (pegawai kerajaan), dan UU No. 7 Tahun 1989 tentang Peradilan Agama. Suparman Usman (1995), *Perkawinan Antar Agama dan Problematika Hukum Perkawinan Di Indonesia*. Serang: Saudara, hlm. 22-23.

Permasalahan di atas menjadi sangat menarik untuk dikaji jika pasangan yang ingin berkahwin salah satunya beragama Islam, terutamanya jika pihak lelaki yang beragama Islam. Kerana berdasarkan al-Quran di dalam surah al-Māidah ayat 5 disebutkan bahawa seorang lelaki Muslim boleh kahwin dengan wanita Ahli Kitab. Daripada penjelasan al-Quran ini dapat difahamkan bahawa di dalam ajaran Islam membolehkan perkahwinan berbeza agama dengan syarat pihak lelaki beragama Islam, dan pihak perempuan merupakan Ahli Kitab. Namun demikian, para ulama masih mempunyai pendapat yang berbeza mengenai siapa yang dimaksudkan dengan Ahli Kitab di dalam al-Quran tersebut. Oleh itu, hal ini akan menjadi salah satu hal yang dikaji dalam penyelidikan ini.

Di samping itu, Kompilasi Hukum Islam (KHI) yang dikuatkuasakan dengan Instruksi Presiden No. 1 Tahun 1991 melarang seorang Muslim melakukan perkahwinan dengan seorang perempuan yang berbeza agama. Larangan perkahwinan ini dijelaskan secara tegas dan jelas di dalam beberapa seksyen peraturan ini, misalnya seksyen 40 huruf c tentang larangan bagi lelaki Muslim, seksyen 44 tentang larangan bagi wanita Muslimah, seksyen 75 tentang pembatalan perkahwinan kerana wujudnya kemurtadan daripada salah satu suami isteri dan seksyen 61 tentang pencegahan perkahwinan kerana perbezaan agama.<sup>15</sup>

---

<sup>15</sup> Kompilasi Hukum Islam merupakan rumusan hukum Islam (fikah) yang bercirikan ke-Indonesia-an dan bersifat kontemporari. Ide pembentukan kompilasi ini muncul sekitar tahun 1985, iaitu setelah berlakunya kesepakatan antara Mahkamah Agung dan Menteri Agama dalam memberikan kepastian hukum bagi orang Islam di lingkungan Peradilan Agama. Namun demikian, saat ini Kompilasi Hukum Islam dianggap tidak lagi mencerminkan realiti sebenar kehidupan bangsa Indonesia dan masih bercorak fikah klasik. Sehingga ianya mendapatkan *counter* daripada pelbagai pihak mengenai materi hukum di dalamnya. Meskipun tidak dapat dipungkiri bahawa KHI juga tidak dapat memaksa mahkamah atau setiap warga negara untuk mentaati dan melaksanakan ketentuan hukumnya. Kerana bagaimanapun juga, ianya hanyalah merupakan sebuah instruksi presiden sebagai lembaga eksekutif di Indonesia di mana kekuatan hukumnya hanya boleh berlaku pada wilayah lembaganya dan tidak dapat diperuntukkan pada lembaga lainnya, seperti mahkamah. Hal ini sebagaimana diperuntukkan pada seksyen 24 (1) UUD 1945 dan seksyen 1 UU No. 4 Tahun 2004. Dan ianya juga dijelaskan secara tegas dalam seksyen 4 (3) UU No. 4 Tahun 2004 bahawa pihak-pihak di luar Kekuasaan Kehakiman tidak boleh masuk campur dalam hal yang berkaitan dengan mahkamah. Lihat M. Karsayuda (2006), *Perkawinan Beda Agama: Menakar Nilai-nilai Keadilan Kompilasi Hukum Islam*. Yogyakarta: Total Media Yogyakarta, hlm. 114-115. Lihat juga Abdurrahman (1992), *Kompilasi Hukum Islam di Indonesia*. Jakarta: Akademika Pressindo, hlm. 31-33.



Selain daripada itu juga terdapat Putusan Mahkamah Agung No. 1400 K/Pdt/1986 yang membolehkan (mengesahkan) perkahwinan antara seorang wanita Muslimah dengan seorang lelaki non-Muslim (Kristian Protestan). Apa yang telah diputuskan oleh Mahkamah Agung itu mewujudkan kontroversi daripada pelbagai pihak. Kerana hal tersebut dianggap bercanggah dengan ajaran Islam, sebagaimana terdapat dalam surah al-Baqarah (2) ayat 221 dan surah al-Mumtahanah (60) ayat 10, dan juga bertentangan dengan peraturan perundangan yang telah pun wujud di Indonesia. Namun demikian, ramai para pakar hukum yang menyokong keputusan Mahkamah Agung tersebut dengan alasan menghormati hak asasi dan untuk ketertiban hukum.<sup>16</sup>

Daripada permasalahan perundangan mengenai perkahwinan berbeza agama di atas, realiti masyarakat Indonesia yang mengamalkan perkahwinan seperti ini<sup>17</sup> juga dapat dijadikan sebagai salah satu alasan perlunya penyelidikan mengenainya dilakukan. Hal ini berlaku kerana perkahwinan antar agama dalam amalan kehidupan masyarakat tidak diperuntukkan secara tegas dalam perundangan di Indonesia. Bahkan pemerintah terlihat bersikap ambivalen dalam permasalahan ini. Kerana dalam amalannya, jika perkahwinan berbeza agama tidak dapat diterima oleh Kantor Urusan Agama, dapat dilakukan di Kantor Catatan Sipil dan juga menganggap sah perkahwinan berbeza agama yang dilakukan di luar negara.<sup>18</sup>

Oleh itu, di dalam penyelidikan ini penyelidik menjelaskan mengenai pandangan perundangan Indonesia dan hukum perkahwinan Islam terhadap perkahwinan berbeza agama. Sehingga perkahwinan berbeza agama dapat mendapatkan perhatian daripada

---

<sup>16</sup> *Ibid.*, hlm. 5.

<sup>17</sup> Di antara kes-kes perkahwinan berbeza agama yang pernah berlaku di Indonesia adalah perkahwinan antara artis Jamal Mirdad dengan Lydia Kandau, Katon Bagaskara dengan Ira Wibowo, Yuni Shara dengan Henri Siahaan, Adi Subono dengan Chrisye, Ari Sihasale dengan Nia Zulkarnaen, Dedi Kobusher dengan Kalina, Frans dengan Amara, Sonny Lauwany dengan Cornelia Agatha, dan masih banyak lagi perkahwinan berbeza agama yang dilakukan oleh masyarakat Indonesia.

<sup>18</sup> Kerana perkahwinan berbeza agama tidak di atur secara tegas di dalam perundangan di Indonesia, maka sering kali hukum yang dijadikan dasar sahnya perkahwinannya adalah sahnya perkahwinan campuran sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 57 UU No. 1 Tahun 1974. Kerana perkahwinan campuran juga dapat berlaku di antara orang Indonesia dan orang asing yang berbeza agama.

pemerintah dari sisi undang-undang, dan masyarakat dapat hidup dalam keteraturan hukum berasaskan Ketuhanan Yang Maha Esa sebagaimana semangat perundangan yang ada di Indonesia.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Penyelidikan ini merupakan kajian mengenai perkahwinan berbeza agama yang berlaku di Indonesia. Amalan perkahwinan seperti ini masih sering kali dijumpai di Indonesia, di mana ianya juga melibatkan orang Islam. Meskipun beberapa organisasi kemasyarakatan Islam yang ada dan Majlis Ulama Indonesia telah mengeluarkan keputusan mengenai larangan berkahwin berbeza agama. Bahkan Presiden pun telah mengeluarkan sesebuah instruksi mengenai pelarangannya melalui INPRES No. 1 Tahun 1991 tentang Kompilasi Hukum Islam. Oleh itu, penyelidikan ini ingin menjawab beberapa persoalan sebagaimana berikut:

1. Bagaimanakah pandangan peruntukan perundangan di Indonesia mengenai perkahwinan berbeza agama yang berlaku di masyarakat?
2. Bagaimanakah pandangan hukum Islam mengenai perkahwinan berbeza agama?
3. Bagaimanakah pelaksanaan perkahwinan berbeza agama di Indonesia?

### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif yang ingin dicapai daripada kajian ini adalah sebagaimana berikut:

1. Untuk menjelaskan pandangan peruntukan perundangan perkahwinan di Indonesia mengenai perkahwinan berbeza agama.
2. Untuk menganalisis pandangan ulama dalam perkara perkahwinan berbeza agama.

3. Untuk mengenal pasti amalan perkahwinan berbeza agama sebahagian masyarakat Indonesia.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Daripada kepentingan kajian ini dilaksanakan adalah sebagai berikut:

1. Kajian ini diharapkan dapat menambah *literature* yang membahaskan mengenai perkara perkahwinan berbeza agama di Indonesia, sekali gus memberikan cadangan kepada pemerintah Indonesia dalam penyempurnaan undang-undang perkahwinan yang telah sedia ada.
2. Kajian ini diharapkan dapat menambah pemahaman masyarakat mengenai perkahwinan berbeza agama dan mengenal prinsip-prinsip perkahwinan dalam Islam.

### **1.6 Kerangka Teori Kajian**

Teori dalam sesebuah penyelidikan merupakan perkara yang penting. Kerana ianya merupakan salah satu aspek yang dapat menjelaskan landasan berfikir seorang penyelidik mengenai sesuatu masalah kajian. Para pakar metodologi berbeza pendapat dalam mendefinisikan makna teori, namun secara sederhana teori dapat difahamkan sebagai sesebuah pernyataan mengenai sebab-akibat atau mengenai adanya hubungan positif antara gejala yang diteliti dengan satu atau beberapa faktor tertentu.<sup>19</sup>

Sehubungan dengan hal tersebut, pemaknaan hukum sebagai sesebuah aturan yang mengikat setiap ahli masyarakat mestilah difahamkan bahawa ianya ditentukan berdasarkan kepentingan masyarakat dan bukan oleh ide-ide rasional sahaja.<sup>20</sup> Oleh itu, boleh dikatakan bahawa antara hukum dan masyarakat terdapat hubungan timbal balik. Ertinya hukum itu dipengaruhi masyarakat, sedangkan masyarakat dipengaruhi oleh

---

<sup>19</sup> Cik Hasan Bisri (2004), *Pilar-Pilar Penelitian Hukum Islam Dan Pranata Sosial*. Jakarta:Raja Grafindo, hlm. 192

<sup>20</sup> Theo Huijbers (1995), *Filsafat Hukum Dalam Lintasan Sejarah*. Yogyakarta: Kanisius, hlm. 133.

hukum.<sup>21</sup> Kerana bagaimanapun juga hukum merupakan suatu kaedah yang mempunyai matlamat untuk memenuhi kepentingan asas manusia, iaitu kedamaian dalam masyarakat.

Islam sebagai agama yang relevan dengan tempat dan masa, tercipta bukan hanya dengan mengutamakan hasil-hasil ijtihad yang telah dibukukan. Namun diperlukan usaha untuk menggali nilai-nilai serta prinsip-prinsip daripada syariah itu sendiri. Salah satu hal penting dalam menerapkan Islam sebagai agama *ṣāliḥun likulli zamānin wa makānin* adalah dengan menjadikan objek hukum sebagai pertimbangan dalam melahirkan produk ijtihad.

Al-Shāṭibī menyatakan bahawa syariat itu bertujuan untuk mewujudkan kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat.<sup>22</sup> Jadi, kemaslahatan manusia merupakan tujuan daripada wujudnya hukum Allah SWT. Kemaslahatan dunia yang dimaksudkan adalah segala sesuatu yang membawa manfaat bagi kehidupan dan menghindari daripada kerosakan (*jalbu al-maṣāliḥ wa dar'u al-mafāsīd*). Sedangkan maslahat akhirat adalah segala hal yang membawa keredaan Allah SWT kepada manusia dan menghindari laknat Allah SWT kepada mereka.<sup>23</sup>

Imam Ibnu Qayyim al-Jauziyah (W.751 H) menjelaskan bahawa seorang *jurist* atau mufti mestilah mempertimbangkan beberapa aspek penting sebelum menentukan satu kesimpulan hukum. Produk ijtihad mestilah mempertimbangkan aspek waktu, tempat, keadaan, bahkan niat sekalipun, sehingga syariat akan dapat melahirkan kemaslahatan bagi umatnya, sama ada dalam kehidupan dunia dan akhirat kelak.<sup>24</sup>

Nilai-nilai ini pula yang kemudian dapat kita temukan pada produk ijtihad para imam mazhab pada era kelahiran mazhab fikah, sama ada pada zaman Imam Ḥanāfī

---

<sup>21</sup> Soerjono Soekanto dkk. (1998), *Pendekatan Sosiologi Terhadap Hukum*. Jakarta: Bina Aksara, hlm. 19.

<sup>22</sup> Al-Shāṭibī (1332 H), *al-I'tisām*, vol. 2. Kaherah: Mustafā Muhammad, hlm. 25

<sup>23</sup> Hukum-hukum Allah SWT yang telah disyariatkan kepada manusia mestilah mengandungi sesebuah matlamat. Kerana hukum tanpa matlamat bererti membebankan sesuatu yang tidak dapat dilaksanakan (*taklīf mā lā yūtaq*). Lihat *Ibid.*, hlm. 6.

<sup>24</sup> Shamsuddin Abi 'Abdillah Muhammad bin Abi Bakr (1996), *Ilām al-Muaqqi'īn 'an Rab al-'Ālamīn*, Juzuk 11. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, hlm. 1.

hingga zaman Imam Shāfi`ī. Perbezaan pendapat di antara mazhab fikah yang berlaku di dunia Islam menunjukkan kepada kita bahawa hukum Islam yang termasuk dalam wilayah ijtihad akan sentiasa mengalami perubahan dan tidak bersifat tetap. Dinamisasi fikah ini pulalah yang menjadi teori yang akan dikembangkan pada tesis ini dengan berlandaskan kepada perubahan hukum sesuai dengan perubahan zaman dan tempat (*taghayyuru al-hukmi 'alā hasbi taghayyuri al-amkinah wa al-azminah*).

### **1.7 Skop Kajian**

Agar perbahasan dalam kajian ini lebih fokus dan spesifik terhadap objek kajian, maka ada beberapa perkara penting yang perlu difahami sehingga skop kajian dapat diketahui dalam kajian ini. Di antaranya adalah:

- a. Di Indonesia, peraturan mengenai perkahwinan berbeza agama tidak diperuntukkan secara tegas di dalam Undang-undang perkahwinan yang ada, iaitu UU No. 1 Tahun 1974. Oleh kerananya, ia menimbulkan perbezaan pendapat di antara para pakar hukum di Indonesia. Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa perkahwinan berbeza agama secara tersirat adalah dilarang. Kerana UU Perkahwinan seksyen 2 (1) menjelaskan bahawa sahnya perkahwinan ditentukan oleh agama masing-masing. Kedua, ada juga yang berpendapat bahawa disebabkan UU No. 1 Tahun 1974 tidak memperuntukkan mengenai perkahwinan berbeza agama, maka orang yang akan melakukan perkahwinan berbeza agama boleh menggunakan peruntukan perundangan perkahwinan sebelumnya, iaitu seksyen 6 GHR. Selain itu, hukum Islam yang dijadikan dasar sah tidaknya sesebuah perkahwinan bagi umat Islam di dalam UU perkahwinan dan Kompilasi Hukum Islam memberikan ketentuan yang berbeza mengenai perkahwinan

berbeza agama antara lelaki Muslim dengan wanita ahli kitab. Kerana al-Quran menjelaskan bahawa perkahwinan sebagaimana di atas adalah boleh.

- b. Realiti masyarakat Indonesia menunjukkan bahawa sejak sebelum, semasa dan setelah wujudnya undang-undang perkahwinan, perkahwinan berbeza agama telah pun diamalkan oleh sebahagian masyarakat. Bahkan ianya juga tidak hanya berlaku perkahwinan berbeza agama yang “dibolehkan” oleh al-Quran sahaja, namun juga berlaku perkahwinan berbeza agama yang secara tegas dilarang oleh agama, iaitu perkahwinan antara wanita Muslimah dengan Laki-laki non-Muslim.

### **1.8 Ulasan Penulisan**

Kajian mengenai perkahwinan berbeza agama yang berlaku di Indonesia sangat menarik untuk dikaji. Hal ini kerana meskipun pada asasnya perkahwinan berbeza agama dilarang di sisi agama Islam, dan agama-agama lainnya yang diiktiraf oleh Negara Indonesia, namun perkahwinan seperti itu masih sahaja dapat dilakukan oleh sebahagian masyarakat. Perkara ini berlaku disebabkan agama Islam tidak melarang secara tegas terhadap perkahwinan berbeza agama, kecuali jika pihak perempuan yang beragama Islam. Bahkan para ulama mempunyai pandangan yang berbeza-beza mengenai perkara berkenaan. Dan pengaturan perkahwinan seperti ini juga berlaku di agama selain Islam.

Di samping itu, peruntukan perundangan yang telah pun wujud di Indonesia khususnya Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang perkahwinan tidak memperuntukkan mengenai perkahwinan berbeza agama. Di dalam undang-undang tersebut hanya menjelaskan mengenai perkahwinan campuran, iaitu perkahwinan antara warga Indonesia dengan orang luar negara atau berbeza kewarganegaraan. Selain itu, peruntukan perundangan tersebut dijelaskan juga bahawa pelbagai perkara yang

berhubung kait dengan perkahwinan warga negara Indonesia yang diperuntukkan oleh perundangan sebelumnya dinyatakan tidak dapat digunakan sebagai dasar hukum atau dimansuhkan, kecuali perkara tersebut belum diperuntukkan di dalam Undang-undang No. 1 Tahun 1974. Hal ini sebagaimana dijelaskan dalam seksyen 66 Undang-undang No. 1 Tahun 1974 ini.

Kompilasi Hukum Islam yang juga dikatakan sebagai salah satu produk hukum di Indonesia menjelaskan bahawa perkahwinan berbeza agama adalah ditegah, sama ada pihak lelakinya beragama Islam mahupun tidak. Hal ini sebagaimana dinyatakan di dalam seksyen 40 huruf c, seksyen 44, seksyen 75 dan seksyen 61. Namun demikian, Kompilasi hukum Islam tidak dapat dijadikan sebagai dasar hukum di mahkamah. Kerana ianya hanya sekadar instruksi daripada presiden, di mana kekuatan hukumnya hanya mengikat pada jabatan di bawah lembaga eksekutif sahaja, seperti menteri, Departemen Agama, dan lain sebagainya. Meskipun Kompilasi Hukum Islam merupakan hasil keputusan pakar hukum Islam, dan ulama Indonesia.

Di samping peruntukan perundangan di atas, kajian mengenai perkahwinan berbeza agama di Indonesia juga telah pun dibahaskan oleh beberapa pengkaji sebelumnya, di antaranya Ali Mustafa Yaqub (2005) dalam bukunya “Nikah Beda Agama Dalam Al-Quran dan Hadis”<sup>25</sup> menjelaskan bahawa perkahwinan berbeza agama hanya dibolehkan jika pihak lelakinya adalah Muslim dan pihak perempuannya adalah Ahli Kitab (penganut agama Yahudi atau Nashrani), dan tidak sebaliknya. Beliau juga menegaskan bahawa perkara mengenai perkahwinan berbeza agama bukanlah merupakan wilayah *ijtihādī* sebagaimana dinyatakan oleh kelompok liberal. Ini adalah kerana perkahwinan ini telah pun dijelaskan secara tegas di dalam al-Quran, hadīth dan *ijmā’*. Sehingga di dalam perkara ini tidak ada lagi ruang untuk berijtihad. Namun demikian, beliau kurang memberikan penjelasan yang komprehensif di dalam kajiannya

---

<sup>25</sup> Ali Mustafa Yaqub (2005), *Nikah Beda Agama Dalam Al-Quran dan Hadis*. Jakarta: Pustaka Firdaus.

mengenai fakta sosial dan makna Ahli Kitab sebagaimana dijelaskan oleh al-Quran. Selain itu, beliau juga tidak membahaskan mengenai pandangan undang-undang yang ada di Indonesia.

Manakala 'Abd. Muta'al M. Al-Jabriy (1992) dalam bukunya "Perkawinan Antar Agama: Suatu Dilema"<sup>26</sup> menjelaskan bahawa perkahwinan berbeza agama adalah haram dari sisi syarak. Kerana Ahli Kitab sebagaimana disebutkan di dalam al-Quran tidak lagi dapat dijumpai pada masa sekarang. Beliau berpendapat bahawa seluruh umat non-Muslim pada masa sekarang adalah termasuk orang-orang Musyrik yang haram dikahwini. Kerana surah al-Māidah ayat 5 yang dijadikan dasar dibolehkan berkahwin dengan wanita Ahli Kitab hanya ditujukan kepada wanita Ahli Kitab yang telah beriman setelah datangnya Islam, di mana sebelumnya ia beragama Yahudi atau Nasrani. Namun demikian, kajian ini lebih banyak bersandarkan pada pendapat Al-Maudūdī dan kurang mengungkapkan pendapat ulama lainnya. Sehingga kajiannya terkesan kurang objektif dalam melihat fakta hukum dan fakta sosial yang berlaku di masyarakat.

M. Karsayuda (2006) dalam bukunya "Perkawinan Beda Agama: Menakar Nilai-nilai Keadilan Kompilasi Hukum Islam"<sup>27</sup> menjelaskan bahawa nilai keadilan daripada larangan perkahwinan berbeza agama di dalam Kompilasi hukum Islam adalah keadilan demokrasi, iaitu nilai keadilan yang lebih mengutamakan kepentingan orang kebanyakan. Menurut beliau, majoriti umat Islam Indonesia lebih menginginkan perkahwinan seiman dan seagama daripada perkahwinan berbeza agama. Hal ini dibuktikan daripada sikap umat Islam dalam mengarahkan ahli keluarganya untuk berkahwin seagama. Kedua, keadilan sosial, iaitu pihak pemerintah memberikan tuntunan kepada masyarakatnya untuk menjana cita-cita yang luhur (terpeliharanya

---

<sup>26</sup> 'Abdul Muta'al Muhammad al-Jabriy (1991), *Perkahwinan Campuran Menurut Pandangan Islam*, Achmad Syathori (terj.). Jakarta: Bulan Bintang.

<sup>27</sup> M. Karyasuda (2006), *Perkawinan Beza Agama: Menakar Nilai-nilai Keadilan Kompilasi Hukum Islam*. Yogyakarta: Total Media Yogyakarta.



agama/keyakinan, dan terpeliharanya keturunan). Ketiga, keadilan moral, iaitu keadilan yang didasari daripada hasil penilaian terhadap baik dan buruk. Menurut beliau, ajaran baik dan buruk adalah ajaran agama. Oleh itu, larangan perkahwinan berbeza agama merupakan keadilan yang dibangunkan atas semangat menegakkan ajaran agama. Daripada kajian tersebut, penulis lebih menekankan aspek keadilan di dalam Kompilasi Hukum Islam mengenai larangan perkahwinan berbeza agama. Sedangkan aspek-aspek yang lain tidak dibincangkan, seperti pandangan hukum Islam dan peruntukan perundangan Indonesia lainnya mengenai perkahwinan berbeza agama.

Simon Butt (1999) dalam buku “Indonesia: Law and Society” menulis dengan tajuk “Poligamy and Mixed Marriage in Indonesia: The Application of The Marriage Law in The Court”<sup>28</sup> menjelaskan bahawa sebelum tahun 1974 perkahwinan berbeza agama di Indonesia merujuk pada Peraturan Perkahwinan Campuran (GHR) (*Regeling op de gemengde Huwelijken Stadblaads 1898 No. 158*). Namun, selepas tahun 1974 semua perkara yang berhubung kait dengan perkahwinan warga negara Indonesia mesti merujuk kepada Undang-undang No. 1 Tahun 1974, dan semua peruntukan perundangan tentang perkahwinan warga negara Indonesia sebelumnya adalah dihapuskan selagi UU No. 1 Tahun 1974 telah memperuntukkannya. Dalam kajiannya itu, Simon juga menjelaskan bahawa di Indonesia telah berlaku polemik hukum ketika Mahkamah Agung memberikan putusan dengan No. 1400 K/Pdt/1986 yang membolehkan (mengesahkan) perkahwinan antara seorang wanita Muslimah dengan seorang lelaki non-Muslim (Kristian Protestan). Polemik hukum itu berlaku disebabkan Putusan Mahkamah Agung dianggap bercanggah dengan ajaran Islam yang diyakini oleh masyarakat Muslim di Indonesia dan juga UU No. 1 Tahun 1974. Daripada huraian kajiannya, Simon lebih memfokuskan kajiannya mengenai amalan perkahwinan berbeza agama warga negara Indonesia yang berasaskan pada Putusan Mahkamah

---

<sup>28</sup> Simon Butt (1999), “Poligamy and Mixed Marriage in Indonesia: The Application of The Marriage Law in The Court”, dalam Timothy Lindsey (ed.), *Indonesia: Law and Society*. Sydney: The Federation Press.

Agung. Sehingga amalan perkahwinan berbeza agama warga negara Indonesia yang mengikut pada ajaran agama dan peruntukan perundangan yang sedia ada tidak dijelaskan secara terperinci.

Daripada kajian-kajian yang telah dilakukan penyelidik sebelumnya sebagaimana di atas, penyelidik belum menemukan sesebuah kajian mengenai perkahwinan berbeza agama di Indonesia yang dibahaskan daripada aspek hukum Islam, perundangan, dan sosial sekali gus. Oleh itu, di dalam penyelidikan ini penyelidik membincangkan mengenai perkahwinan berbeza agama yang berlaku di Indonesia yang dilihat daripada beberapa aspek di atas. Sehingga kajian mengenai perkara berkenaan dapat dijelaskan secara komprehensif. Di samping itu, penyelidik juga membahaskan pendapat para ulama dalam memberikan hukum mengenai perkahwinan berbeza agama, sama ada yang mengharamkan mahupun yang membolehkan.

### **1.9 Metodologi Kajian**

Metode merupakan cara utama yang dipergunakan untuk mencapai suatu objektif. Cara utama ini dipergunakan setelah penyusun mempertimbangkan kewajaran, ditinjau dari objektif kajian serta situasi kajian. Kerana pengertian metode penyelidikan mengandungi erti yang sangat luas, maka perlu dijelaskan secara jelas eksplisit di dalam setiap penyelidikan.<sup>29</sup> Metodologi bermaksud ilmu tentang cara menjalankan sesebuah penyelidikan.<sup>30</sup>

Adapun metode yang digunakan penyelidik di dalam penyelidikan ini untuk suatu rangka kerja penyelidikan guna mendapatkan maklumat yang diperlukan adalah sebagai berikut:

---

<sup>29</sup> Winarno Surachmad (1985), *Pengantar Penelitian Ilmiah*. Bandung: Tarsito, hlm. 131.

<sup>30</sup> Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, hlm. 51.

### **1.9.1 Jenis Penyelidikan**

Jenis penyelidikan ini merupakan penyelidikan pustaka (*library research*), iaitu penyelidikan yang dilakukan dengan meneroka pelbagai buku atau kajian yang berhubung kait dengan perkahwinan berbeza agama.

### **1.9.2 Sifat Penyelidikan**

Penyelidikan ini bersifat deskriptif-analitik, iaitu membincangkan, menggambarkan, dan mengklasifikasikan secara objektif data yang dikaji sekali gus mentafsirkan dan menganalisis data tersebut.<sup>31</sup>

### **1.9.3 Sumber Data**

Sumber data yang digunakan di dalam penyelidikan adalah sebagai berikut:

- a. Sumber Primer, iaitu al-Quran, Hadīth, Undang-undang Dasar 1945, Undang-undang No. 1 Tahun 1974 tentang Perkahwinan, Instruksi Presiden No. 1 Tahun 1991 tentang Kompilasi Hukum Islam, pelbagai keputusan hukum atau peraturan perundangan yang berkaitan dengan perkahwinan berbeza agama, dan kitab-kitab fikah.
- b. Sumber Sekunder, iaitu hasil penyelidikan, buku-buku, majalah dan jurnal hukum, kertas kerja, kamus, ensiklopedia, dan katalog.

### **1.9.4 Teknik Pengumpulan Data**

Oleh kerana penyelidikan ini adalah penyelidikan kualitatif berdasarkan realiti masyarakat, maka kaedah pengumpulan data dilakukan dengan cara sebagai berikut:

- a. Penyelidikan Perpustakaan

---

<sup>31</sup> Winarno Surachmad (1985), *Op. Cit.*, hlm. 139-140.

Dengan menggunakan cara ini, penyelidik melakukan penyelidikan terhadap beberapa sumber data, yaitu sumber primer dan sumber sekunder sebagaimana telah dijelaskan di atas.

b. Temu Bual

Untuk memperoleh data mengenai amalan perkahwinan berbeza agama yang berlaku di Indonesia, penyelidik melakukan temu bual secara langsung dengan beberapa pegawai pemerintah yang ada di jabatan-jabatan terkait, seperti Departemen Agama, dan Pengadilan Agama. Selain itu, penyelidik juga melakukan temu bual dengan 10 orang yang melakukan perkahwinan berbeza agama, sama ada yang telah disahkan mahupun yang belum disahkan oleh negara di beberapa kawasan, di antaranya Semarang berjumlah 3 orang, Solo berjumlah 3 orang dan Yogyakarta berjumlah 4 orang. Kawasan Semarang dipilih penyelidik untuk mewakili kehidupan masyarakat bandar, Solo mewakili kehidupan masyarakat desa dan “abangan”<sup>32</sup>, serta Yogyakarta mewakili kehidupan masyarakat majmuk dan terdidik. Alasan pemilihan kawasan ini dilakukan penyelidik untuk melihat pengaruh kehidupan masyarakat terhadap amalan perkahwinan berbeza agama.

Daripada beberapa orang yang telah berjaya ditemu bual oleh penyelidik, hanya 4 orang sahaja yang mahu memberikan penjelasan secara jelas mengenai identiti dan proses perkahwinannya. Hal ini disebabkan, menurut mereka, perbuatan mereka adalah perbuatan melanggar hukum Negara Indonesia sehingga mereka takut perkahwinannya dibatalkan.

---

<sup>32</sup> Abangan yang dimaksudkan di sini adalah masyarakat Jawa yang beragama Islam namun lebih mengutamakan adat dan budaya daripada doktrin agama. Lebih terperinci lihat Clifford Geertz (1983), *Abangan, Santri, Priyayi Dalam Masyarakat Jawa*, Aswab Mahasin (terj.). Jakarta: Pustaka Jaya.

### **1.9.5 Pendekatan**

Pendekatan yang digunakan di dalam kajian ini adalah pendekatan *normatif historis*, iaitu pendekatan yang berasaskan daripada data teks (al-Quran) dan undang-undang. Pendekatan normatif ini berusaha mencari jawapan al-Quran tentang suatu masalah tertentu, dengan jalan menghimpun ayat-ayat yang dikaji, kemudian berupaya mencari pengertian secara mendalam mengenai prinsip-prinsip perkahwinan dalam Islam dan batasan-batasan berkahwin berbeza agama, serta menganalisisnya untuk menjana sesebuah kajian perkahwinan berbeza agama secara utuh dan komprehensif daripada al-Quran. Selain itu juga dicari jawapan peruntukan perundangan perkahwinan Indonesia mengenai perkahwinan berbeza agama. Kerana bagaimanapun juga, hukum Islam telah diiktiraf sebagai bahagian daripada sistem hukum Indonesia bersama-sama dengan sistem hukum yang lain, seperti hukum Barat dan hukum adat.<sup>33</sup> Sehingga dari sini dapat diketahui hubung kait al-Quran, hadīth dan peruntukan perundangan Indonesia dalam menetapkan hukum perkahwinan berbeza agama yang berlaku di masyarakat.

### **1.9.6 Analisis Data**

Data-data yang didapati daripada sumber-sumbernya, diolah dan dilakukan analisis dengan cara non statistik (kualitatif) untuk diambil kesimpulan dengan menggunakan metode deduktif-induktif, dan tata fikir kreatif-inovatif.<sup>34</sup> Metode tersebut dapat dijelaskan sebagaimana berikut:

#### **a. Metode Deduktif**

Metode ini digunakan untuk menganalisis norma-norma hukum yang terkandung di dalam seksyen-seksyen atau nas-nas tertentu yang bersifat umum untuk diterapkan

---

<sup>33</sup> Mudzakkir (2003), "Integrasi Hukum Islam Dalam Hukum Nasional: Upaya Restrukturisasi Perundang-undangan Nasional", *Jurnal Mazhabuna*, Jil. 2, Bil. 2, 2003, hlm. 23.

<sup>34</sup> Noeng Muhajir (1990), *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Yogyakarta: Rakesarasin, hlm. 102.

dalam kes nyata yang bersifat khusus.<sup>35</sup> Metode ini digunakan untuk menganalisis data-data yang terkait dengan norma-norma hukum, sama ada yang terdapat di dalam peraturan perundangan yang ada di Indonesia mahupun al-Quran dan Hadīth Nabi SAW. Dan di dalam tesis ini, metode deduktif digunakan untuk menganalisis data-data pada BAB II dan BAB III bahagian 3.1.

b. Metode Induktif

Berdasarkan metode ini, setelah maklumat terkumpul dan tersusun, penyelidik menjelaskan dan menghuraikan data-data yang bersifat khusus untuk menggambarkan sesebuah konsep yang bersifat umum.<sup>36</sup> Metode ini digunakan untuk menganalisis data-data yang berhubung kait dengan perbezaan hujah dan pandangan para ulama dan pakar hukum mengenai perkahwinan berbeza agama. Dan di dalam tesis ini, metode deduktif digunakan untuk menganalisis data-data pada BAB III bahagian 3.2 sampai dengan bahagian 3.4.

c. Metode Komparatif

Metode ini digunakan untuk mendapatkan dan merumuskan suatu kesimpulan, di mana penyelidik mengumpulkan data-data yang bersesuaian tetapi dari sumber-sumber data yang berbeza. Kemudian penyelidik menganalisis dan membandingkan data-data tersebut, sehingga dapat diketahui maklumat yang lebih absah.<sup>37</sup> Dan dalam tesis ini, metode komparatif digunakan untuk menganalisis data-data pada BAB IV.

## 1.10 Kerangka Perbahasan

Secara keseluruhan, kajian ini akan dibahagikan menjadi lima bab yang disusun secara sistematik, iaitu:

---

<sup>35</sup> Sutrisno Hadi (1994), *Metodologi Research*. Yogyakarta: Andi Offset, hlm. 36.

<sup>36</sup> *Ibid.*, hlm. 46.

<sup>37</sup> Muhammad Nazir (1998), *Metode Penelitian*. Jakarta: PT. Ghalia Indonesia, hlm. 61.

Bab I mengandung pengenalan, latar belakang masalah, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, kerangka teori kajian, skop kajian, ulasan penulisan, metodologi kajian, dan yang terakhir kerangka perbahasan kajian.

Bab II membahaskan tentang pengertian perkahwinan secara umum yang ditinjau dari pelbagai aspek, sama ada undang-undang mahupun hukum Islam. Di samping memberikan gambaran secara deskriptif mengenai pengertian, hakikat dan prinsip perkahwinan; sahnya perkahwinan; larangan perkahwinan; dan pencatatan perkahwinan.

Pada bab III menjelaskan tentang konsep perkahwinan berbeza agama yang ditinjau dari perspektif peraturan perundangan di Indonesia dan hukum perkahwinan Islam. Di dalamnya juga membahaskan mengenai pandangan para ulama *mutaqaddimīn* (klasik) dan *muakhhirīn* (kontemporari) mengenai perkahwinan berbeza agama, sama ada perkahwinan wanita Muslimah dengan lelaki non-Muslim, perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita musyrikah mahupun perkahwinan lelaki Muslim dengan wanita Ahli Kitab. Selain itu juga akan dibahaskan mengenai pandangan organisasi massa di Indonesia mengenai perkahwinan berbeza agama.

Bab IV merupakan analisis terhadap pelaksanaan perkahwinan berbeza agama di Indonesia. Bab ini menganalisis amalan perkahwinan berbeza agama sebagai sesebuah realiti sosial, pelaksanaannya di Indonesia, serta maslahat dan mudarat perkahwinan berbeza agama.

Bab V merupakan penutup yang mengandungi kesimpulan dan saran.